

11 OCT 1996

Umno-Mahathir

MAHATHIR DAN ANWAR RELA BERTANDING PADA 1999

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sedia bertanding dalam pemilihan Umno pada 1999 jika pertandingan itu bersih.

Langkah parti melarang sesiapa bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan kali ini tidak akan dijadikan sesuatu yang rasmi dan kekal, kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar di akhir Perhimpunan Agung Umno yang masuk hari kedua hari ini. Anwar turut hadir pada persidangan akhbar itu.

Perhimpunan agung tahun lepas menetapkan bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno yang kini disandang oleh Dr Mahathir dan Anwar tidak dipertandingkan untuk mengelak perpecahan.

"Kami sedia bertanding jika pertandingan itu bersih, tetapi ada orang yang akan mengotorkannya," kata Dr Mahathir apabila ditanya sama ada larangan bertanding itu akan dikekalkan dan dijadikan sesuatu yang rasmi.

Dr Mahathir menolak andaian kononnya beberapa tokoh yang berjaya dalam pemilihan semalam adalah calon yang diletakkan oleh pihak tertentu yang mempunyai agenda sendiri dalam parti.

"Saya tak tahu. Calon siapa?," kata Perdana Menteri sambil menjelaskan bahawa beliau tidak suka mengesyaki sesiapa sehingga terdapat bukti kerana syak wasangka boleh merenggangkan perhubungan.

Ketika ditanya sama ada calon-calon yang tewas dalam pemilihan semalam ditolak oleh perwakilan kerana mereka terlibat dalam politik wang, beliau berkata : "Saya tidak tahu. Hanya perwakilan yang tahu."

Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan soal itu kepada perwakilan kerana merekalah yang disogok.

"Kami (Jawatankuasa Khas parti) telah menerima banyak laporan tetapi ada orang yang tidak jujur, sebab itulah kami terpaksa bergantung kepada sumber-sumber lain untuk mengesahkannya," katanya.

Ketika ditanya sama ada wang yang digunakan disumbang oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau dana asing, Perdana Menteri berkata beliau tidak pasti mengenai sumbernya.

Katanya jika seseorang itu tidak mempunyai wang tetapi sanggup pula membelanja besar, jelaslah wang itu datang dari punca lain.

"Saya berpendapat jika seseorang itu menerima wang daripada orang lain, ia tentukan ada unsur-unsur rasuah," kata Dr Mahathir.

Kepada soalan kenapa tidak ada seorangpun tokoh korporat dipilih menganggotai Majlis Tertinggi, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenainya dan tidak pernah menyebut supaya mereka ini ditolak.

"Kita tidak tahu mengapa mereka tidak terpilih, apa yang penting (ialah) sama ada mereka cuba menggunakan cara yang tidak diizinkan," katanya.

Apabila ditanya sama ada terdapat calon tewas yang tidak dapat menerima baik kekalahan mereka, beliau berkata : "Ada sedikit perasaan sedemikian tetapi saya rasa, lazimnya Umno akan merapatkan barisan."

Ditanya sama ada beliau dapat membanteras amalan rasuah politik dalam Umno, Dr Mahathir berkata yang pentingnya ialah menyemai nilai-nilai murni di kalangan anggota parti untuk menolak sebarang sogokan.

"Parti tidak boleh bertindak tanpa bukti nyata, seperti juga negara ini yang ada undang-undang mengenai pengedaran dadah dengan hukumannya gantung, tetapi masih juga ada orang berani mengedar dadah dan inikan pula politik wang yang tidak ada hukuman gantung," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengapa beliau menitikkan air mata semasa menyentuh tentang rasuah politik dalam Umno semasa berucap semalam, Dr Mahathir berkata beliau tidak sedar yang beliau menitis air mata, tetapi ucapan itu ialah untuk mengingatkan anggota parti supaya menolak sebarang gejala yang boleh menghancurkan parti, bangsa, agama dan negara. -- BERNAMA

ARA MAI